

MAJLIS PELANCARAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2014
14/10/2014

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC),
PUTRAJAYA

Bismilahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berhimpun bersama-sama dalam Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2014. Saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Bulan Bahasa Kebangsaan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perbadanan Putrajaya khususnya kepada Presiden Perbadanan Putrajaya Yang Berbahagia Tan Sri Aseh bin Haji Che Mat, yang sudi menjadi tuan rumah sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan pada tahun ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Bulan Bahasa Kebangsaan yang kita raikan saban tahun bukan sekadar menjadi satu acara tahunan semata-mata. Sambutan Bulan bahasa Kebangsaan yang telah dimulakan sejak tahun 1960 mempunyai tujuan dan harapan yang suci, yakni memperkasakan bahasa kebangsaan selaku bahasa negara ke tempat yang sewajarnya. Bahasa kebangsaan bukan sekadar menjadi lambang negara, malahan turut merupakan nadi pembangunan negara bangsa melalui peranannya sebagai bahasa pentadbiran, bahasa ilmu dan sistem pendidikan, bahasa ekonomi, bahasa undang-undang, bahasa teknologi maklumat dan bahasa sains dan teknologi. Oleh sebab itu, semua pihak perlu meningkatkan iltizam dan usaha untuk menjayakan Dasar Bahasa Kebangsaan yang menjadi salah satu dasar dan pancang negara, yang sama pentingnya dengan dasar ekonomi, dasar pertahanan, dan dasar dalam segenap kehidupan bernegara yang lain. Sebagaimana negara-negara maju seperti Perancis, Jerman, Jepun, China, Korea dan yang lain tetap bertunjangkan bahasa kebangsaan mereka, maka kita juga perlu mengambil iktibar agar tetap mengutamakan bahasa kebangsaan dalam kepesatan pembangunan negara.

3. Pemuka-pemuka kemerdekaan negara kita telah mengambil keputusan dan ketetapan yang tepat apabila menjadikan bahasa kebangsaan sebagai salah satu asas pembinaan negara. Dasar itu kita teruskan hingga hampir enam dasawarsa kita merdeka dan insya-Allah terus menjadi dasar negara. Maka itu dalam Wawasan 2020 yang menjadi sasaran pencapaian negara kita sebagai negara maju, dengan terang disebut bahawa kita hendaklah maju dalam acuan kita sendiri, termasuk dalam mengutamakan bahasa kebangsaan dan nilai-nilai yang bertunjangkan agama dan kebudayaan kita. Pada hemat

saya, masih tetap relevan ungkapan Almahum Tunku Abdul Rahman Putera Alhaj, Perdana Menteri pertama kita dalam ucapan ketika awal-awal negara mencapai kemerdekaan, iaitu "Negara tanpa bahasa kebangsaan samalah ibaratnya dengan jasad tanpa roh" dan ungkapan itu sejajar dengan hakikat bahasa sebagai jiwa sesuatu bangsa, iaitu "Bahasa jiwa bangsa". Tentulah yang dimaksudkan itu bukan sekadar memiliki bahasa kebangsaan semata-mata tetapi mengisi erti dan fungsi bahasa kebangsaan dengan melaksanakan penggunaannya untuk segala bidang dan sektor kehidupan di negara ini.

4. Sesudah hampir enam dasawarsa negara kita merdeka, keutuhan Dasar Bahasa Kebangsaan mengalami pasang surutnya. Banyak kejayaan yang telah tercapai tetapi jelas juga banyak ruang yang masih perlu ditingkatkan. Penggunaan bahasa kebangsaan dalam bidang pentadbiran negara pada umumnya meluas tetapi berdasarkan laporan awal Program Audit Bahasa Melayu yang dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sejak tahun 2013 di kementerian-kementerian dan kerajaan negeri, masih perlu ditingkatkan keutamaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi dan demikian juga aspek mutu bahasa yang digunakan. Citra bahasa di tempat awam pula masih memerlukan kesungguhan Pihak Berkuasa Tempatan menguatkuasakan Undang-undang Kecil Pengiklanan yang menggariskan keutamaan bahasa kebangsaan pada iklan, nama perniagaan, nama tempat, nama bangunan dan paparan yang lain. Peningkatan nama yang tidak bercitra kebangsaan bagi taman perumahan, kawasan dan gedung perniagaan atau institusi, misalnya agak membimbangkan dalam konteks pembinaan citra kebangsaan. Mesyuarat Negara bagi Kerajaan Tempatan kali ke-67 pada 4 Mac 2014 yang saya pengerusikan telah memutuskan bahawa sesuatu paparan di tempat awam, baik oleh swasta mahupun agensi kerajaan hendaklah mendapat pengesahan dan sijil kelulusan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka lebih dahulu dalam aspek bahasanya. Saya berharap semua Pihak Berkuasa Tempatan mensyaratkan pengiklan dan pihak yang memohon untuk memaparkan sesuatu di tempat awam mematuhi peraturan tersebut.

5. Bahasa dalam sektor media massa, baik media cetak mahupun media elektronik juga ternyata perlu diberi perhatian khusus. Sebagai pihak yang amat berpengaruh kepada masyarakat, peranan badan pengendali media massa cukup penting dalam menyemaikan mesej yang berkesan melalui bahasa yang difahami oleh golongan terbanyak, iaitu bahasa kebangsaan. Media massa turut berperanan dalam memupuk budaya berbahasa yang santun, selaras dengan adab dan budi bahasa kita sebagai warganegara yang menjunjung kesopanan dan kesusilaan. Yang tidak kurang pentingnya ialah peranan media sebagai agen pemasyarakatan atau sosialisasi melalui penggunaan bahasa yang bermutu dan teratur. Cabaran media baharu yang sebahagiannya cenderung untuk bebas daripada norma adab, akhlak dan juga bentuk bahasa yang tidak terkawal akan menjejaskan usaha kita untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa yang mewakili ilmu dan pemikiran jika dibiarkan bebas sebeb-bebasnya. Bahasa

kebangsaan tidak wajar dikorbankan menjadi bahasa pasar atau bahasa perhubungan sehari-hari semata-mata walaupun kita akui keperluan penggunaan bahasa untuk perhubungan biasa dalam kehidupan bermasyarakat. Sebagaimana bahasa Arab mempunyai ragam "Fusha" atau bahasa Arab baku, bahasa Mandarin mempunyai ragam Putonghua sebagai bentuk bahasa Mandarin baku dan bahasa Inggeris mempunyai "standard English" di samping bahasa Inggeris basahan, maka ragam bahasa Melayu tinggi perlu dipulihara untuk mengungkapkannya perihal ilmu dan pemikiran.

6. Perkara lain yang masih perlu ditingkatkan ialah pelibatan semua warganegara dalam menjayakan Dasar Bahasa Kebangsaan. Tahun demi tahun saya perhatikan bahawa nilai bahasa kebangsaan berbeda-beda pada golongan tertentu sehingga hasrat kita untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan masih belum benar-benar berjaya. Hal ini berbeda daripada beberapa buah negara jiran kita seperti Indonesia dan Thailand. Saya menyeru semua warganegara tanpa mengira asal keturunan di negara ini agar memberikan nilai yang tinggi kepada bahasa kebangsaan dan sama-sama bergerak memajukan bahasa dan persuratan kebangsaan. Sinergi DBP dengan pelbagai persatuan dan institusi pelbagai keturunan yang sedikit banyaknya menunjukkan kesan positif perlu ditingkatkan agar bahasa kebangsaan kita benar-benar menjadi milik sepenuhnya seluruh warganegara. Demikian juga para pemimpin bukan Melayu dalam pelbagai institusi dan organisasi perlu lebih aktif menyemarakkan langkah dan usaha yang dapat meningkatkan iltizam dan pelibatan masyarakat dalam memajukan bahasa dan persuratan kebangsaan. Wujudnya sejumlah pemimpin dan karyawan bukan Melayu yang fasih berbahasa kebangsaan memang cukup membanggakan dan mereka dapat menjadi suri teladan yang baik.

7. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) agar sama-sama menyumbang ke arah pemeraksanaan bahasa kebangsaan sektor ekonomi. Selain mengutamakan bahasa kebangsaan dalam urusan dan pemasaran, GLC juga dapat memainkan peranan dalam mengantarabangsakan bahasa kebangsaan melalui jenama produk ataupun label produk agar masyarakat antarabangsa mengenali bahasa kebangsaan kita. Sebagai contoh, negara Jepun dan Korea mengeksport kereta dan produk lain berjenama yang berasaskan nama tokoh individu seperti Honda, Mitsubishi dan Yamaha dan unsur budaya mereka, selain manual yang turut menggunakan bahasa kebangsaan mereka. Dengan jumlah potensi pasaran di negara-negara berbahasa Melayu yang mencecah angka 300 juta, kita sebenarnya dapat melonjakkan nilai ekonomi bahasa Melayu, bermula dengan tumpuan di rantau ini.

Para hadirin yang dihormati,

8. Pada kesempatan ini, saya ingin menyentuh peranan utama bahasa kebangsaan dalam sistem pendidikan negara. Dalam hal ini, pihak kerajaan telah menggubal dasar dan

pelan memerkasakan bahasa kebangsaan dalam sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Langkah untuk meningkatkan tahap dan mutu bahasa kebangsaan dalam kalangan pelajar dan peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penyampaian ilmu tinggi adalah antara yang diberi penegasan dalam PPPM. Untuk memastikan bahasa kebangsaan dikuasai dengan baik dan serara antara pelajar Melayu dan bukan Melayu, dirancang agar dibuat penyelarasan sukatan pelajaran dan bahan pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu bagi sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Pada peringkat institusi pengajian tinggi pula, kerajaan telah melancarkan Pelan Memperkasakan Bahasa Kebangsaan di IPT pada tahun 2011. Sejak dilancarkan tiga tahun lalu, pada masa ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mula menjalankan Audit Bahasa Melayu IPT. Di peringkat awal ini sebanyak enam IPTA sedang diaudit. Selepas ini semua IPTA akan diaudit bagi memastikan bahawa semua IPTA memperkasakan bahasa kebangsaan sebagaimana yang digariskan dalam pelan tersebut. Antaranya peratus penggunaan bahasa kebangsaan sebagai penghantar kuliah dan penegasan penghasilan karya ilmiah dalam bahasa kebangsaan sebagai salah satu asas pengiktirafan untuk kemajuan kerjaya tenaga akademik. Insya-Allah, program ini akan diluaskan kepada IPTS bagi memastikan bahawa IPTS tidak mengesampingkan bahasa kebangsaan dalam proses pembelajaran dan pengajarannya. Ketetapan dalam Akta IPTS 1996 mewajibkan pengajaran tiga mata kuliah, iaitu Bahasa Melayu, Kenegaraan Malaysia dan Agama atau Moral mestilah dipatuhi.

9. Bagi terus memperkasakan bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam, Kerajaan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bilangan 9 Tahun 2011 : Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam. Tujuannya untuk mempertegas penggunaan bahasa kebangsaan yang betul dalam urusan pentadbiran kerajaan. Berdasarkan surat pekeliling itu, kerajaan bersetuju dengan inisiatif DBP menjalankan Program Audit Bahasa di kementerian, jabatan, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan. Saya berharap DBP terus menggiatkan Program Audit Bahasa Melayu dan memastikan laporan lengkap tentang tahap dan mutu bahasa kebangsaan dalam sektor pentadbiran dan institusi pengajian tinggi disiapkan dan diserahkan kepada kerajaan untuk susulan dan langkah penambahbaikan pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan.

10. Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bekerjasama dengan DBP dalam menjalankan Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan kepada 18 buah PBT bertaraf Dewan/Majlis Bandar Raya dan PBT yang terletak di ibu negeri pada tahun lalu. Pada akhir tahun ini, sebanyak 37 buah PBT bertaraf Majlis Perbandaran di seluruh negara akan dinilai untuk dianugerahi bintang dari segi penggunaan bahasa kebangsaan yang luas dan betul. Saya difahamkan bahawa pada bulan Mei tahun ini, DBP dan

GAPENA telah menjalankan pemantauan penggunaan bahasa kebangsaan di sepanjang lebih raya dari Bukit Kayu Hitam hingga Johor Bahru serta dari Kuala Lumpur ke Kuantan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Jumlah penutur bahasa Melayu merupakan jumlah kelima terbesar di dunia, iaitu jumlah penuturnya kira-kira 300 juta orang. Pada hemat saya, selain usaha memantapkan bahasa Melayu di peringkat negara, usaha pengantarabangsaan bahasa Melayu ada signifikannya. Maka itu kerajaan bersetuju menubuhkan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) pada tahun 1997 dan telah mula digerakkan oleh DBP sebagai urusan setianya pada tahun 2000. Majlis yang melibatkan pakar pengajian Melayu di seluruh dunia ini diharapkan dapat menggerakkan penyelidikan, penerbitan, pemantapan bahan pengajaran dan kegiatan pengembangan bahasa dan persuratan Melayu yang secara langsung dapat meningkatkan martabat bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama dunia. Dalam majlis ini insya-Allah beberapa orang wakil institusi atau negara yang dapat hadir akan dikurniakan pelantikan sebagai anggota jawatankuasa kerja MABM. Saya berbangga bahawa bahasa, persuratan dan kebudayaan Melayu mendapat tempat di puluhan institusi ilmiah di seluruh dunia sebagai bahan kajian ilmiah dan juga kursus universiti, termasuk yang bertaraf kursus untuk pengijazahan. Saya berharap bahawa melalui program pengantarabangsaan bahasa dan persuratan Melayu ini, kita dapat melonjakkan kearifan setempat kita dalam pelbagai bidang ilmu ke peringkat antarabangsa, dan sekali gus menyumbangkan globalisasi seimbang yang selama ini lebih bersifat satu arah, iaitu Barat ke Timur. Dalam rangka ini, usaha terjemahan karya penting kita ke dalam bahasa-bahasa utama dunia perlu sentiasa ditingkatkan, baik karya susastera mahupun karya ilmu. Penubuhan Institut Terjemahan Negara Malaysia pada tahun 1993 berasas pada matlamat itu dan saya berharap ITNM yang kini diluaskan fungsinya menjadi Institut Terjemahan dan Buku Negara dapat bergerak lebih aktif dalam memenuhi agenda pengantarabangsaan karya-karya besar negara kita memindahkan karya besar daripada tamadun lain ke dalam bahasa kebangsaan kita.

12. Akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada penyelenggara sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 peringkat kebangsaan, khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perbadanan Putrajaya. Dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya lancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 peringkat kebangsaan.

Wabillahi taufiq walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullah.